

14 SEPTEMBER 2017

**Seludup kokain cair**

**24 setempat** 14-09-17

**Awang hitam masuk secara haram bawa dadah dalam botol minyak wangi**

Norizuan Shamsuddin  
norizuan@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Isi cecair kokain dalam botol minyak wangi berjenama terkemuka bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Itu taktik dilakukan sindiket penyeludupan dadah bagi menyeludup masuk kokain ke negara jiran. Bagaimanapun kegiatan sindiket itu terbongkar apabila Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) bersama Pasukan Khas Taktikal dan Perisikan Narkotik (Sting), Bukit Aman menahan dua lelaki warga Nigeria dalam dua serbuan di sekitar kawasan Taman Puncak Desa, di sini, kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira jam 11 pagi, suspek berusia 36 dan 38 tahun terbabit ditahan selepas polis menemui dadah dianggarkan bernilai RM69,000.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Mokhtar Mohd Shariff berkata, serbuan terbabit dilakukan hasil perkongsian maklumat bersama Drug Enforcement Administration (DEA) berpangkalan di Amerika Syarikat.

"Kami berjaya menahan dua lelaki warga Nigeria dan pemeriksaan menemui 263 gram disyaki kokain dan 1.2 kilogram ganja.

"Selain itu, kedua-dua suspek juga gagal menunjukkan dokumen perjalanan sah memasuki negara ini. Polis masih meniasat bagaimana suspek masuk ke Malaysia," katanya pada sidang media di Bukit Aman, semalam.

Mokhtar berkata, siasatan awal polis percaya suspek menggunakan modus operandi dengan menyeludup masuk kokain dari Brazil ke negara ini.

"Kokain dengan nilai anggaran RM20,000 sebotol itu kemudian diseludup ke Thailand berikutan permintaan tinggi di negara jiran itu.

"Suspek didapati sengaja menggunakan botol minyak wangi untuk mengisi pati dadah kokain itu," katanya.

Dalam serbuan berasingan, Mokhtar berkata, pihaknya menumpaskan dua kumpulan pengedaran dadah di Kedah dan Kelantan dalam beberapa serbuan sejak kelmarin.

Katanya, dua lelaki berusia 36 dan 42 tahun ditahan hasil serbuan di sekitar Changlun, Kedah, bermula jam 10.40 pagi, kelmarin.

"Hasil penahanan dua suspek itu, kami merampas 88 ketulan mampat ganja seberat 87.4 kilogram (kg) di-

**Suspek didapati sengaja menggunakan botol minyak wangi untuk mengisi pati dadah kokain itu**

Mohd Mokhtar Mohd Shariff



MOHD Mokhtar (kanan) menunjukkan barang rampasan daripada sindiket dadah.

**Seludup kokain cair**



ANTARA barangan dan dadah yang dirampas JSJN dan STING Bukit Aman daripada sindiket dadah.

anggarkan bernilai RM262,000.

"Serbuan kedua pada jam 12.40 pagi semalam, JSJN bersama Pasukan Khas Taktikal dan Perisikan Narkotik (STING) menahan lima individu termasuk dua wanita berusia 23 hingga 42 tahun hasil serbuan di sekitar Kelantan iaitu di Pasir Mas, Rantau Panjang dan Pasir Puteh, Kelantan.

"Hasil penahanan suspek, polis merampas 66.34 kg syabu, 26 pil yaba dan 10 pil Erimin 5 dianggarkan bernilai RM5 juta," katanya.

Jelasnya, jumlah rampasan hasil penahanan sembilan suspek dari tiga kumpulan pengedaran dadah berkenaan membabitkan nilai melebihi RM5.3 juta.

"Semua suspek disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.